

Untuk kes-kes yang telah pun didaftarkan di mahkamah, permohonan untuk pembayaran atau pengurangan tidak boleh dijelaskan di MPSP. Orang Kena Saman perlu menghadiri diri di mahkamah dan sekiranya beliau gagal menghadiri diri, waran tangkap akan dikeluarkan dan dilaksanakan terhadap beliau.

## KAUNTER JABATAN UNDANG-UNDANG

Kaunter Jabatan Undang-Undang menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai berhubung kompaun dan saman yang dikeluarkan oleh MPSP selain daripada apa yang disediakan di Kaunter Pusat. Perkhidmatan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

1. Penjelasan bayaran kompaun-kompaun:
  - Kompaun Kerja Tanah
  - Kompaun Enakmen Hiburan
2. Memasukkan (key-in) butiran kesalahan ke dalam sistem serta mencetak bil:
  - Kompaun Halangan
3. Menyemak dan menguruskan permohonan pengurangan, pembatalan dan aduan berhubung kompaun-kompaun kesalahan yang dikeluarkan oleh Jabatan berkaitan:
  - Kompaun Letak Kereta
  - Kompaun Halangan
  - Kompaun Pelesenan
  - Kompaun Perkhidmatan Perbandaran
  - Kompaun Perkhidmatan Kesihatan
4. Penyemakan saman-saman mahkamah terutamanya berhubung status serta tarikh sebutan yang baru.

## PERKHIDMATAN ONLINE

Jabatan Undang-Undang telah merangka satu pendekatan dan pembaharuan saluran pembayaran yang lebih efisien, mesra pelanggan serta memberi kemudahan kepada orang awam untuk menjelaskan bayaran kompaun letak kereta dibawah Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1995 tidak kira di mana mereka berada.

1. Penyelarasan pengurangan bayaran kompaun ini telah dirangka sebegitu rupa agar berkeupayaan menukarkan secara automatik jumlah bayaran yang perlu dijelaskan berdasarkan jenis kenderaan, bilangan hari dari tarikh kesalahan serta memberikan pengurangan. Ini membolehkan pembayaran dilakukan di semua kaunter Majlis Perbandaran Seberang Perai, Perda dan cawangan-cawangannya di Jalan Betek, Butterworth dan Jawi.
2. Orang ramai juga boleh membuat pembayaran secara terus (online) melalui penggunaan kad kredit. Walau bagaimanapun, sekiranya notis peringatan dikeluarkan pengurangan tidak akan diberikan secara automatik dan bayaran penuh perlu dilakukan.

Untuk kes-kes yang telah pun didaftarkan di mahkamah, sistem kompaun letak kereta ini akan secara automatik menghalang penerimaan apa-apa jenis bayaran di mana-mana kaunter bayaran dan juga secara talian terus.

Apa-apa pengurangan, pembatalan atau pembayaran kompaun letak kereta boleh disemak oleh orang ramai di laman web MPSP iaitu <http://www.mpsp.gov.my>.

## PENDAKWAAN

Jabatan Undang-Undang bertanggungjawab meneliti, menjalankan sebutan dan pendakwaan bagi kes-kes MPSP. Kebanyakan kes-kes yang dibawa ke mahkamah adalah kes-kes kesalahan letak kereta, kerja tanah, enakmen hiburan, bangunan dan pelesenan.

Kes-kes MPSP di Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah didaftarkan dan disebut di Mahkamah Majistret (Munisipal) Seberang Perai di Butterworth dan Bukit Mertajam, manakala bagi kes-kes yang didaftarkan di Seberang Perai Selatan pula disebut di Mahkamah Majistret Jawi.

Unit Polis Bantuan ditugaskan untuk menyerahkan saman, melaksanakan tangkapan dan menyerah sapina yang telah di tandatangani oleh Majistret di kawasan MPSP mengikut tarikh sebutan dan perbicaraan yang di tetapkan.



*Sila jelaskan kompaun sebelum sebarang tindakan Mahkamah diambil terhadap anda.*

### VISI

Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan

### MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai

### UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

**SILA HUBUNGI :**

### JABATAN UNDANG-UNDANG MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Tingkat 9, Jalan Perda Utama  
Bandar Perda,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang

**No. Tel:** 04-549 7525 (Unit Pentadbiran)  
04-549 7754 (Kaunter Jabatan)  
[und@mpsp.gov.my](mailto:und@mpsp.gov.my)



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

# JABATAN UNDANG-UNDANG



### MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam

Tel:04-549 7555 Fax: 04-538 9700



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERTIFIED TO ISO 14001 : 2004  
CERT. NO. AR 1856 CERT. NO. ER 0504

[www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my)



## LATAR BELAKANG

Jabatan Undang-Undang adalah sebuah jabatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang mengendalikan hal-ehwal perundangan. Jabatan ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Unit Pendakwaan, Unit Gubalan dan Nasihat dan Unit Polis Bantuan.

## FUNGSI JABATAN

Jabatan Undang-Undang bertanggungjawab memberi nasihat perundangan, menggubal undang-undang, menyediakan dokumen perundangan, mewartakan undang-undang dan dokumen, menjalankan tindakan pra mahkamah dan pendakwaan, menyelaras kes sivil yang dibawa oleh dan terhadap MPSP, membuat kawalan keselamatan Ibu Pejabat MPSP, membuat kawalan lalulintas di pasar-pasar awam / *Park & Ride*/ majlis-majlis rasmi anjuran MPSP atau Kerajaan Negeri dan menjalankan penguatkuasaan di dalam kawasan pentadbiran MPSP termasuklah mengeluarkan kompaun dan mengambil tindakan mahkamah.

## AKTIVITI

1. Memberi nasihat perundangan kepada YDP, SUP, Majlis dan semua jabatan di MPSP;
2. Menyemak, meminda, menggubal, mewarta dan memansuhkan undang-undang kecil MPSP, peraturan, perintah dan kaedah;
3. Menyedia atau menderaf serta menyemak perjanjian;
4. Menyedia dan menyemak kertas aduan, pertuduhan dan saman;
5. Menjalankan pendakwaan kes-kes MPSP di Mahkamah;
6. Menguruskan kawalan keselamatan MPSP (rampasan / meroboh / pencegahan);
7. Bantuan prosiding Mahkamah Munisipal;
8. Penyerahan notis, saman dan pelaksanaan waran tangkap;
9. Mengkompaun kesalahan di bawah undang-undang MPSP;
10. Urusan semakan, pengurangan dan pembatalan kompaun-kompaun MPSP;
11. Kawalan keselamatan Ibu Pejabat;
12. Urusan kawalan lalulintas (di pasar-pasar awam / *Park & Ride* / majlis rasmi)
13. Menyelaraskan kes-kes sivil terhadap / oleh MPSP;
14. Melantik panel peguam dan menguruskan bayaran panel peguam.

## PIAGAM

Memutamakan deraf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 14 hari.

## PENGUATKUASAN UNDANG-UNDANG melalui:- AKTA-AKTA UTAMA

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
3. Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
4. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) [Bahagian III]

## ENAKMEN YANG DIKUATKUASAKAN DI MPSP

1. Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998
2. Peraturan-peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001

## UNDANG-UNDANG KECIL

1. Rural Board, Province Wellesley, Trisha By-laws, 1949.
2. Rural Board, Province Wellesley, Diaries and Dairymen By-laws, 1950
3. Rural District Council North, Province Wellesley Licensing and Management of Street Stalls By-laws, 1956
4. Rural District Council North, Province Wellesley Slaughter House By-laws, 1956
5. Butterworth Town Council Street Stalls By-laws, 1957
6. Butterworth Town Council Laundries By-laws, 1957
7. Bukit Mertajam Town Council Common Lodging Houses By-laws, 1956
8. Bukit Mertajam Town Council Slaughter House By-laws, 1956
9. Bukit Mertajam Town Council Street Stalls By-laws, 1957
10. Rural District Council Central, Province Wellesley, Slaughter House By-laws, 1956
11. Rural District Council South, Province Wellesley Slaughter House By-laws, 1957
12. Undang-Undang Kecil Kedai Makanan dan Kedai Kopi, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974
13. Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Merbahaya, Tidak Sihat Atau yang Mengganggu Dan Setal-Setal, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974
14. Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1975
15. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1977
16. Undang-Undang Kecil (Larangan Merokok Dalam Panggung) Seberang Perai, 1978
17. Undang-Undang Kecil (Rumah Urut) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1978

18. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan, 1980
19. Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1980
20. Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan, 1981
21. Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing Majlis Perbandaran Seberang Perai 1982
22. Perintah Majlis Perbandaran Seberang Perai, Padang Kereta (Peruntukan Am) 1983
23. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986
24. Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1990
25. Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan 1989
26. Kaedah-Kaedah Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur & Rancanangan Tempatan)1989
27. Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
28. Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
29. Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
30. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
31. Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
32. Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Pebandaran Seberang Perai) 1992
33. Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
34. Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
35. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1994
36. Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1995.
37. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Majlis Perbandaran Seberang Perai) (Kelakuan dan Tatatertib) 1995
38. Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001

Tiap-tiap orang yang bersalah atas sesuatu kesalahan terhadap mana-mana Akta, Enakmen dan Undang-Undang Kecil atau Peraturan yang tersebut di atas boleh dikompaun dan / atau didakwa di mahkamah.

**Kompaun** adalah denda yang dibayar dengan tidak melalui pendakwaan di Mahkamah dan merupakan satu kaedah penguatkuasaan yang melibatkan pembayaran suatu jumlah denda yang ditetapkan di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil.

**Saman** adalah perintah rasmi yang menuntut seseorang hadir ke mahkamah. Ini berlaku apabila kompaun-kompaun kesalahan tidak dijelaskan dalam tempoh masa yang diberikan atau seseorang itu melakukan kesalahan di bawah Akta-Akta, Enakmen, Undang-Undang Kecil atau Peraturan.